



13 JAN, 2024

‘Ketum kita laku semula di Thailand’

Kosmo, Malaysia



Kastam Perlis rampas hampir 700kg daun tanaman itu dalam tempoh dua hari

‘Ketum kita laku semula di Thailand’

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

PADANG BESAR – Penyeludupan daun ketum yang sebelum ini dilihat agak suram kembali mendapat permintaan di Thailand disebabkan kualitinya yang lebih baik berbanding di negara jiran tersebut.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, perkara tersebut berkemungkinan didorong tanaman itu di negara jiran yang belum mencapai tempoh matang atau kualiti terbaik kerana masih di peringkat awal daun ketum dibenarkan ditanam di sana.

“Penyeludupan ketum dilihat semakin rancak apabila ia mendapat permintaan tinggi. Kastam telah merampas hampir 700 kilogram (kg) ketum dalam tempoh dua hari,” katanya pada sidang akhbar di pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia Padang Besar, di sini semalam.

Jelas beliau, dalam serbuan pertama kira-kira pukul 1 tengah hari pada 3 Januari lalu, sepasukan Unit Narkotik Kastam Padang Besar telah melakukan pemeriksaan di rumah tidak bernombor, Batu 15, Kaki Bukit, di sini.

“Kastam merampas 23 guni daun ketum seberat 476kg bernilai RM4,760.

“Serbuan kedua dilakukan keesokan harinya pukul 9.30 pagi di sebuah pondok kosong di Ja-



ISMAIL (tiga dari kiri) bersama pegawainya menunjukkan foto rampasan ketum di sekitar Padang Besar baru-baru ini.

lan Wang Kelian yang juga di kawasan Kaki Bukit, di sini.

“Pemeriksaan lanjut menemui 10 plastik hitam mengandungi daun hijau dipercayai ketum seberat 200kg bernilai RM2,000,” katanya.

Jelasnya, kedua-dua serbuan dilakukan tanpa melibatkan tangkapan dan pihaknya percaya modus operandi digunakan adalah meletakkan barangan terlarang itu di premis kosong bagi mengelak penguat kuasa.

“Kita percaya dua rampasan ini berkemungkinan berkait, namun masih lagi dalam siasatan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Unit Narkotik Kastam Padang Besar turut menahan seorang lelaki warga tem-

patan yang cuba menyeludup dadah jenis Erimin 5 dan kanabis secara kecil-kecilan melalui laluan import pos kawalan Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan Wang Kelian pada 8 Januari lalu.

“Dalam kejadian pada pukul 11.30 itu, seorang pengusaha rumah urut berusia 47 tahun yang memandu kereta jenis Volkswagen Golf GTI 2.0 ditahan selepas pemeriksaan mendapati pil dadah jenis Erimin 5 dan kanabis disembunyikan di dalam kotak sistem audio pada but kereta.

“Menurut rekod keluar masuk sempadan, suspek masuk melalui Padang Besar sebelum ke wilayah Phuket dan kembali ke Malaysia melalui Wang Kelian kerana mungkin menyangka kawalan di situ longgar,” ujarnya.

Katanya, suspek membawa masuk bahan larangan seperti pil Eramin 5, ganja, cecair disyaki kanabis perisa buah-buahan, minyak kanabis dan pekiet lembut berwarna hitam dipercayai minyak kanabis bernilai RM726 untuk dibawa ke Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail memaklumkan Kastam Perlis berjaya mematahkan dua kes lagi berkait penyeludupan dan migran dengan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM330,211.09 pada minggu pertama Januari 2024.



13 JAN, 2024

`Ketum kita laku semula di Thailand`

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

Kastam Perlis rampas hampir 700kg daun tanaman itu dalam tempoh dua hari

PADANG BESAR - Penyeludupan daun ketum yang sebelum ini dilihat agak suram kembali mendapat permintaan di Thailand disebabkan kualitinya yang lebih baik berbanding di negara jiran tersebut. Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, perkara tersebut berkemungkinan didorong tanaman itu di negara jiran yang belum njencapai tempoh matang atau kualiti terbaik kerana masih di peringkat awal daun ketum dibenarkan ditanam di sana.